

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]**

TARIKH : 18.5.2016 (RABU)

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan pelaksanaan memperkukuhkan pemantauan dan penguatkuasaan berkaitan kawalan harga bagi memastikan harga barangan berpatutan serta memenuhi keperluan pengguna khususnya golongan B40.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan yang rapi sepanjang masa dan mengambil perhatian yang berat dalam memastikan harga barang di pasaran berpatutan.

Pelbagai langkah kawalan harga serta inisiatif bagi menyediakan barangan keperluan yang lebih murah untuk dinikmati pengguna umum telah dilaksanakan. Segala inisiatif Kementerian ini akan turut memberi manfaat kepada kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah atau lebih dikenali sebagai B40 melalui penyediaan barangan pada harga yang lebih rendah. Antara langkah-langkah dan inisiatif-inisiatif yang telah diambil ialah:

- i. menguatkuasakan **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** bagi mengawal pengambilan untung secara tidak munasabah oleh peniaga;
- ii. menguatkuasakan **Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993** bagi mewajibkan peniaga meletak tanda harga ke atas barangan yang dijual atau mempamerkan senarai harga;
- iii. melaksanakan **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan** bagi mengawal harga barang keperluan musim perayaan tertentu semasa musim-musim perayaan utama dalam negara;

- iv. **meneruskan Kempen Penurunan Harga** yang dimulakan Kementerian pada 1 Mac 2015, yang disertai pasaraya di seluruh negara dengan menawarkan diskaun sehingga 70% produk jualan;
- v. membuka **Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M)** dan **Kedai Kain Rakyat 1Malaysia (KKR1M)** yang menawarkan barangan dengan harga perpatutan;
- vi. mengadakan program **Kedai Harga Patut** di premis-premis yang telah dikenalpasti menjual barangan pada harga yang berpatutan dan kompetitif; dan
- vii. menyeragamkan harga barang-barang keperluan pengguna seperti beras, gula, minyak masak, tepung gandum, gas memasak (LPG), petrol RON 95 dan diesel pada harga yang ditetapkan Kerajaan melalui **Program Penyeragaman Harga** dan **Mobile KR1M**.

Di samping kehadiran pegawai penguatkuasa KPDNKK untuk melaksanakan penguatkuasaan ke atas perniagaan di seluruh negara, Kementerian turut juga memperkukuhkan pemantauan harga dengan mengadakan kerjasama bersama pelbagai pihak, antara lain:

- i. **Pegawai Pemantau Harga** yang menjalankan pemantauan harga barangan keperluan asas di seluruh negara di bawah Kementerian;
- ii. **Friends of KPDNKK** yang merupakan mata dan telinga Kementerian. Kementerian akan bekerjasama dengan Pengguna yang menyertai program ini bagi menyebarkan maklumat berhubung kepenggunaan terutama mengenai isu harga barang; dan

- iii. **Kerajaan Negeri dan Agensi Kerajaan** lain serta penglibatan **penghulu dan pegawai** dalam membantu memantau dan menyalurkan maklumat kenaikan harga barangan dan caj perkhidmatan di premis perniagaan kepada Kementerian.

Selain daripada ini, Kementerian telah menyediakan **pelbagai medium penyaluran aduan** serta membangunkan aplikasi **Ez-ADU** bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan berkaitan isu harga. **Kementerian** turut mewujudkan **Skuad Tindakan Aduan Resolusi@Pegguna (STAR@PENGGUNA)** dalam usaha untuk **menangani aduan** rakyat dengan lebih **berkesan**.

Selaras dengan matlamat sebagai ***The Caring Ministry***, Kementerian berharap inisiatif-inisiatif yang telah dinyatakan ini akan dapat menangani isu harga barangan dengan baik bagi mempertingkatkan kesejahteraan rakyat.